

21 SEP 2002
Ras-Pulang/I
RAS ADIBA PULANG KE KUALA LUMPUR MALAM ISNIN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 21 Sept (Bernama) -- Walaupun terluka dengan kritikan yang diterimanya beberapa bulan sebelum ini, Ras Adiba Radzi dengan semangat yang berkobar-kobar akan kembali ke Kuala Lumpur dari Sydney malam Isnin ini.

Beliau dijangka tiba dengan penerbangan MH122 pada pukul 9 malam.

"Saya akan menjemput mereka yang sebelum ini mempersoalkan kejujuran dan mencemuh keputusan saya untuk mendapat rawatan lanjut mengenai ketidakupayaan saya di Australia, untuk menyaksi sendiri keadaan saya," katanya.

"Tetapi saya tidaklah bermusuhan dengan mereka. Mereka telah terpengaruh dengan kekalutan pihak media," tambahnya.

Ras Adiba, 34, berkata para doktor di Sydney merasakan beliau telah mencapai kemajuan yang memuaskan selepas pembedahan kali kedua minggu lepas dan adalah selamat untuk beliau pulang bagi meneruskan pemulihan.

"Yang lebih penting bagi saya untuk segera kembali ialah kerana adik lelaki saya, dia baru berusia 22 tahun, tetapi mempunyai masalah jantung yang serius dan saya berharap dapat berada di sana untuk memberikan sokongan moral kepadanya," kata beliau.

Ras Adiba berkata beliau sangat berhutang budi dengan banyak pihak yang telah memberikan sokongan moral dan bantuan kewangan dalam beberapa bulan ini.

"Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan tunjak kekuatan dan sumber inspirasi untuk saya meneruskan hidup...bagi menghadapi kehidupan baru di atas kerusi roda," katanya.

"PM umpama seorang bapa yang begitu prihatin terhadap semua orang."

Ras Adiba juga berterima kasih dengan rawatan yang diterimanya di Malaysia dan Australia.

"Banyak cara kita di Malaysia boleh belajar daripada Australia, terutama tentang cara mereka melayan dan bertindak balas terhadap golongan terpinggir.

"Saya ada berbicang dengan mereka di bidang sukan yang terlibat dengan golongan kurang upaya di Australia dan mereka telah membuktikan kepada saya bahawa kecacatan tidak menghalang untuk seseorang bergiat aktif dalam sukan, katanya.

-- BERNAMA

NDC AZZ HM